

15 OCT 2002

DR MAHATHIR DIKUNJUNGI 35 KONSUL

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Sebanyak 35 Konsul Besar dan Konsul Kehormat Malaysia hari ini mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diberi penerangan tentang pelbagai perkara termasuk pendirian negara berhubung keganasan serta usaha mempelbagaikan pelaburan dan perdagangan.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad berkata antara soalan yang dikemukakan oleh para konsul berkenaan kepada perdana menteri ialah tentang dasar Malaysia mengenai hubungan antarabangsa, pelaburan dan perdagangan.

Mereka berada di sini untuk menghadiri Persidangan Konsul Besar/Konsul Kehormat kali kedua.

Persidangan selama seminggu itu yang bermula semalam, bertujuan meningkatkan kefahaman para konsul itu tentang perkembangan terkini dalam bidang ekonomi, sosial dan politik di Malaysia.

Mereka juga dijangka mengambil bahagian dalam satu program interaktif bagi mempelajari dan memahami dengan lebih jelas tentang dasar-dasar yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia.

-- BERNAMA

LES AHH SP MAI